

# Mengenai talasemia

Oleh Dr. Androulla Eleftheriou



ISBN: 978-9963-623-95-2

EXJ/0414/AAT/03

Diterbitkan oleh  
Thalassaemia International Foundation (TIF)

**Kartun Talasemia untuk Kanak-kanak**

**MENGENAI TALASEMIA**

Oleh Dr. Androulla Eleftheriou

Thalassaemia International Foundation (TIF)

2011

ISBN: 978-9963-623-95-2

Hak cipta terpelihara

Adalah dilarang menerbit semula atau menyalin mana-mana bahagian dalam buku ini dalam segala bentuk dan dengan cara apa jua sama ada dalam bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, mikrofilem, rakaman dan selanjutnya tanpa kebenaran bertulis daripada TIF.

Pengarang: Dr Androulla Eleftheriou

Bahan pendidikan ini (Tentang Talasemia) telah diterjemah oleh Cynthia Lee bagi pihak Novartis Corporation (Malaysia) Sdn Bhd daripada sumber Bahasa Inggeris terbitan TIF. Segala tanggung jawab ketepatan terjemahan ditanggung oleh penterjemah dan pengulas. TIF tidak bertanggung jawab ke atas sebarang hasil terjemahan.

Ilustrasi dan Arahan Grafik:

Maria Pavlou

[www.behance.net/mariapavlou](http://www.behance.net/mariapavlou)

[www.mariapavlou.com](http://www.mariapavlou.com)

[m\\_pavlou@hotmail.com](mailto:m_pavlou@hotmail.com)

Pengarah:

Nicholas Demetriou

[nicholas@mediastudios.com.cy](mailto:nicholas@mediastudios.com.cy)

Media Studios

1 Mykonou Street

1066 Nicosia

Cyprus

[www.mediastudios.com.cy](http://www.mediastudios.com.cy)

Dicetak di Nicosia, Cyprus

© Februari 2011

Diterbitkan oleh Thalassaemia International Foundation (TIF)

## **MENGENAI TALASEMIA**

Oleh Dr Androulla Eleftheriou

Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berikut:

Dr Michael Angastiniotis, penasihat perubatan TIF di atas cadangan beliau.

Puan Andrea Ioannou, Penyelaras Sokongan Pembelajaran The Junior School Nicosia kerana mengambil bahagian dalam kajian rintis.

Pihak pentadbiran, majikan dan pelajar The Junior School Nicosia di atas segala sokongan dan ulasan.


## **Penghargaan**

Dengan segala tulus ikhlas, kami ingin mendedikasikan buku ini kepada kanak-kanak talasemia di seluruh dunia. Kami ingin mengiktiraf semangat waja kanak-kanak ini untuk terus hidup, perjuangan kental mereka dalam melawan penyakit tersebut dan harapan murni mereka untuk kehidupan yang lebih baik serta masa depan yang lebih cerah.

Thalassaemia International Federation

Apa khabar! Saya Harry, kawan kecil anda -

saya hidup di dalam tubuh anda!



Pernakah lutut anda tergores ketika bermain di taman permainan?




Apabila lutut anda tergores, pernahkah anda melihat  
cecair berwarna merah pada kulit anda?



Cecair itu adalah darah.  
Setiap manusia mempunyai darah, yang dipenuhi oleh rakan-rakan kecil seperti saya.






Keluarga saya besar  
dan nama kami Sel Merah.

Kami berwarna merah dan berbentuk seperti piring-piring kecil.






Tugas kami adalah untuk membawa oksigen ke seluruh tubuh anda.

Oksigen berasal dari udara yang anda sedut.


Tugas oksigen adalah untuk membekalkan tenaga kepada setiap anggota tubuh anda supaya anda boleh berlari, ketawa, melompat dan bermain.

Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen  
Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen  
Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen Oksigen





Untuk membawa oksigen ke anggota-anggota badan yang berlainan, Sel Merah dibantu oleh pembantu kecil, yang dipanggil hemoglobin (hee-mo-glo-bin), yang berupaya membawa oksigen.





Keluarga saya – Sel Merah – tidak berseorangan dalam darah!

Kami berjiran dengan tiga keluarga lain:

keluarga Sel Putih, keluarga Platelet dan keluarga Plasma.

Kami mempunyai tugas-tugas yang berlainan,

rupa kami juga tidak sama!

Tetapi, kami saling bekerjasama untuk menjaga tubuh anda supaya sihat dan kuat.

Sel Merah



Sel Putih

Keluarga Sel Putih berwarna putih dan bersifat goyah.

Mereka bertindak seperti askar-askar kecil

untuk membasmi kuman supaya

anda boleh hidup sihat.



Sel Putih





## Platelets

Keluarga Platelets berbentuk seperti telur-telur yang sangat kecil.

Apabila anda terluka, keluarga Platelets akan berkumpul, melekat sesama sendiri dan membentuk blok-blok kecil untuk menghentikan pendarahan anda.

Platelets



## Plasma

Rakan kami, keluarga Plasma pula, berbentuk cecair yang berwarna kekuningan. Kami sentiasa terapung di dalam plasma.

Plasma juga membawa banyak zat-zat yang diperlukan oleh tubuh anda untuk menjadi sihat dan kuat.

Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma Plasma



Tahukah anda dari mana asalnya darah dan penghuni-penghuni dalam darah seperti kami?

Kami semua dihasilkan daripada satu kilang yang terletak di dalam tulang anda!



Malangnya, kadang-kala kilang tersebut menghadapi masalah dan tidak berjaya membina Sel Merah dan pembantunya, hemoglobin, di dalamnya.





Apabila hal ini berlaku, keluarga saya, Sel Merah, tidak dapat membawa oksigen ke seluruh tubuh anda dengan secukupnya.

Apabila oksigen di dalam tubuh berkurangan, anda akan berasa penat dan lesu. Ini juga menyebabkan anda kelihatan letih dan pucat.

Keadaan ini dirujuk sebagai anemia, ataupun talasemia (tha-la-see-mi-a) oleh doktor.



*Ramai kanak-kanak di dunia ini menghidap talasemia.*



Sekiranya anda menghidap talasemia, keluarga saya, Sel Merah, menjadi lemah. Oleh itu, kami memerlukan sedikit pertolongan dari doktor. Cara terbaik doktor dapat menolong kami adalah dengan memberikan Sel Merah baru yang kuat kepada kami. Ini dikenali sebagai transfusi darah.



Anda boleh mendapatkan transfusi darah dari hospital, di mana ramai orang di sana dapat membantu anda.





Apabila doktor atau jururawat melakukan transfusi darah, sebatang jarum halus akan dimasukkan ke dalam tangan anda.

Jangan risau. Anda akan berasa sedikit sakit sahaja.



Jarum itu akan disambungkan kepada satu beg plastik yang mengandungi rakan-rakan Sel Merah baru dan kuat, yang akan membuat anda sihat.



Di hospital, anda juga dibenarkan melakukan perkara-perkara yang anda suka  
untuk mengisi masa lapang.

Apa yang anda suka lakukan?

Ada kanak-kanak yang suka membaca buku cerita, ada yang  
suka bergurau-senda ataupun menonton televisyen.

Anda juga akan bertemu dengan ramai  
kawan baru di hospital!





Anda mungkin akan berasa janggal pertama kali anda ke hospital.  
Tetapi, selepas menjalani transfusi darah, anda akan mempunyai  
ramai Sel Merah baru untuk membawa oksigen  
ke seluruh badan anda.  
Anda akan bertenaga semula!





Malangnya, Sel Merah baru ini tidak akan hidup lama di dalam darah anda. Selepas beberapa ketika, mereka akan berpecah dan badan anda akan berasa lesu semula. Doktor anda mengetahuinya, oleh itu, doktor akan menasihatkan anda supaya kembali ke hospital selepas beberapa minggu untuk mendapatkan Sel Merah baru. Dengan cara ini, tubuh anda akan berasa sihat dan kuat.

Ini akan berlaku setiap bulan. Anda akan memperoleh banyak tenaga untuk berlari, melompat, ketawa dan bermain bersama kawan-kawan anda!





Blok hemoglobin

Walaupun Sel Merah baru ini dapat membantu anda menjadi sihat dan kuat, ia tidak mencukupi. Tubuh anda memerlukan satu lagi pertolongan. Ingatkah anda dengan Hemoglobin, pembantu-pembantu Sel Merah yang membawa oksigen ke seluruh tubuh anda? Sebenarnya, hemoglobin dapat membantu Sel Merah disebabkan kandungan zat besi yang melekat kepada oksigen.


Apabila Sel Merah berpecah selepas beberapa minggu, zat-zat besi juga akan tertinggal.

Perkara ini akan berlaku selepas setiap kali anda mendapatkan transfusi darah.





jantung



hati

Semua zat besi berlebihan yang tertinggal apabila Sel Merah berpecah akan mencari tempat tinggal baru di dalam tubuh anda.

Apabila perkara ini berlaku, tubuh anda tidak dapat berfungsi dengan sempurna.


Kulit anda akan menjadi lebih gelap, tubuh anda akan berasa letih dan anda sukar untuk membesar dengan baik. Jadi, anda memerlukan bantuan untuk mengeluarkan zat-zat besi yang berlebihan ini daripada badan anda.





Doktor anda mengetahui perkara ini dan dia akan memberikan anda ubat.

Ubat ini akan berfungsi seperti 'magnet' dan menarik zat-zat besi yang berlebihan dalam tubuh anda. Zat-zat besi ini akan dikeluarkan ketika anda membuang air besar. Proses ini dikenali sebagai pengkelatan zat besi.



Terdapat beberapa jenis ubat yang boleh mengeluarkan zat-zat besi berlebihan di dalam tubuh anda. Salah satu ubat ini memerlukan anda menggunakan sebatang jarum dan sebuah pam!

Jarum tersebut perlu dimasukkan ke dalam kulit anda untuk beberapa jam setiap hari. Anda mungkin akan berasa kurang selesa dengan proses ini. Tetapi, anda akan berasa lebih selesa selepas membiasakan diri dengan proses ini. Pam ini boleh dipakai semasa anda tidur atau di mana-mana jua anda berada (di taman permainan, di sekolah, di rumah sendiri ataupun di rumah kawan anda). Seperti saya, pam ini adalah sahabat karib anda!







Ubat lain yang boleh mengeluarkan  
zat-zat besi berlebihan di dalam tubuh  
anda adalah dalam bentuk pil.  
Anda boleh menelan ubat-ubat ini  
dengan air ataupun jus.





Tidak kira apa jua ubat yang doktor anda beri, ibu bapa anda akan mengajar anda mengambil ubat tersebut sehingga anda sudah besar dan cekap mengambilnya sendiri. Tubuh anda sememangnya memerlukan ubat ini untuk menjamin kesihatan anda.

Jangan sesekali ingat bahawa anda keseorangan dalam proses ini. Ibu bapa dan keluarga anda akan terus mencurahkan kasih sayang kepada anda. Doktor dan jururawat anda juga akan terus menjaga anda dan kawan-kawan sekalian anda akan terus membantu anda.





Sekarang anda sudah mengetahui semua tentang kami,  
Sel-Sel Merah, rakan-rakan kami yang lain dalam darah anda dan penyakit talasemia.  
Anda boleh berkongsi semua ini dengan kawan-kawan anda yang mengidap  
penyakit talasemia ataupun sesiapa sahaja yang ingin mengetahui gejala ini!



## **Mengenai Penerbit:**

### **THALASSAEMIA INTERNATIONAL FOUNDATION (TIF)**

Thalassaemia International Foundation (TIF) ialah organisasi bukan berasaskan keuntungan dan bukan kerajaan. TIF adalah satu organisasi berasaskan pesakit. TIF ditubuhkan pada tahun 1986 dengan ibu pejabat di Nicosia, Cyprus. Misi TIF adalah untuk mendapatkan peluang penjagaan kesihatan bermutu untuk semua pesakit talasemia di seluruh dunia. Organisasi ini telah berkerjasama secara rasmi dengan Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) sejak tahun 1996, dan program-program pengajarannya merangkumi penerbitan bahan-bahan pendidikan, bengkel-bengkel dan persidangan-persidangan di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk para pesakit, penjaga, pakar kesihatan serta masyarakat umum.

**Buku ini diterbitkan dengan penuh keprihatinan kepada penghidap talasemia kanak-kanak yang perlu memahami keadaan mereka, menerima hakikat tersebut dan beroleh kekuatan daripada ilmu pengetahuan untuk membina masa depan yang lebih cerah untuk diri mereka sendiri.**

Kata-kata aluan Presiden,

TIF mengalakkan dan mengucapkan syabas kepada Novartis Corporation (Malaysia) Sdn. Bhd. di atas usaha penterjemahan bahan pendidikan yang penting ini. Penyebaran ilmu merupakan salah satu misi penting TIF. Ilmu pengetahuan sememangnya kuasa kita.

Panos Englezos  
Presiden TIF

Saya suka cerita ini kerana apabila anda sakit, keluarga dan rakan-rakan anda akan berada di sisi anda untuk membantu. Cerita ini amat menarik.



Saya suka buku ini kerana sekiranya anda menghidap talasemia, anda akan tahu apa yang perlu dibuat..



Saya suka buku ini kerana saya telah belajar pelbagai perkara baru tentang tubuh saya.

Saya suka buku ini kerana ia menceritakan tubuh badan kita sendiri. Setelah membaca buku ini saya dapat mengetahui semua tentang darah kita.



Saya sangat suka ilustrasi-ilustrasi di dalam buku ini. Saya juga belajar bahawa sel merah dihasilkan oleh sumsum tulang. Saya rasa buku ini sangat menarik.



Saya suka buku ini kerana ia mengisahkan doktor yang membantu kanak-kanak.



Perkara yang terbaik sekali ialah buku ini bukan fiksiyen. Ia juga mudah difahami.

